

# Kerjasama rancakkan semula industri francais

BH - 15/10/2021 M/S: 2

## Dana RM10 juta disediakan bagi program latihan kepada usahawan tempatan


Oleh Rafidah Mat Ruzki,  
Mahanum Abdul Aziz dan  
Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerjasama bersepadu semua pihak, termasuk kerajaan dan sektor swasta diperlukan bagi tempoh lima tahun akan datang dalam merancakkan semula momentum industri francais negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata bagi mencapai sasaran itu, kerajaan memperuntukkan RM10 juta kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk meneruskan pelaksanaan Program Pengukuhan Francais Bagi Meningkatkan Eksport (EFDP).

Beliau berkata, EFDP akan memberi latihan kepada usahawan francais tempatan untuk melengkapkan diri dengan amalan serta pengurusan francais antarabangsa, padanan perniagaan serta misi perdagangan, selain pembayaran balik kos eksport.

"Pada masa sama, usaha dilaksanakan melalui Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik yang bakal membuahkan hasil menjelang



Ismail Sabri menyampaikan ucapan pembukaan Pameran Import dan Eksport China (Canton Fair) Ke-130 secara maya, semalam. (Foto ihsan PMO)

akhir tahun ini apabila usahawan francais akan memulakan perniagaan masing-masing.

"Kerajaan juga kekal komited dalam menyokong perkembangan industri francais melalui pelbagai inisiatif bawah KPDNHEP," katanya ketika melancarkan Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2021 (FIM 2021) Ke-28 secara maya, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA), Datuk Dr Radzali Hassan.

Ismail Sabri berkata, industri francais negara mencatatkan nilai jualan RM13.3 bilion pada 2019, iaitu peningkatan 19.1 peratus berbanding RM11.16 bilion tahun sebelumnya.

Beliau berkata, industri francais Malaysia juga menyumbang kepada lebih 80,000 peluang pekerjaan dengan anggaran sumbangan gaji RM1.4 bilion, manakala kira-kira RM5.2 bilion jumlah jualan direkodkan pada akhir tahun kewangan 2020.

"Kerajaan positif jumlah akhir nilai jualan pada tahun ini mencecah RM13 bilion berdasarkan kekuatan industri ini biarpun negara berdepan pandemik," katanya.

Malaysia juga, menurut Perdana Menteri sentiasa menyesuaikan diri dengan dasar menyokong francais serta mengalukan francaisor antarabangsa untuk mengembangkan perniagaan mereka di negara ini, selari dengan sasaran menjadikan Malaysia sebagai hab francais untuk ASEAN.

"Kerajaan yakin bahawa per-

tumbuhan sihat perniagaan francais akan membantu memakmurkan dan memberi manfaat kepada negara, usahawan, pengguna, bank, perkhidmatan sokongan serta keseluruhan masyarakat Malaysia.

"Dalam kerangka dasar itu, sudah ada program yang menyasarkan kepada usahawan muda untuk mendapat peluang sama rata kepada sumber. Ini boleh dicapai melalui geran di bawah Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik.

"Melalui program ini, pemilik perniagaan baharu ditawarkan geran padanan, manakala geran penuh diberikan kepada pemilik francais untuk berkembang bagi lebih banyak peluang perniagaan," katanya.

Sementara itu, Alexander berkata, RM1.8 juta diperuntukkan kerajaan tahun ini untuk pelaksanaan program pengembangan francais negara ke peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, kementeriannya turut mendapat peruntukan RM5 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik pada tahun ini.

Beliau berkata, biarpun berdepan kekangan pergerakan keluar masuk negara berikutan penularan COVID-19, KPDNHEP masih melaksanakan misi promosi melalui siri jelajah maya Malaysia Digital Franchise Expo (MyDigi-Fex) dan ekspo digital FIM 2021.

Ketika ini, sebanyak 65 syarikat francais Malaysia berjaya mengembangkan perniagaan di peringkat antarabangsa dengan pembukaan lebih 3,000 outlet baharu di 66 negara.